

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KEBUDAYAAN**

- KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
- GRED JAWATAN/GAJI** : **B17, B21/22, B25/26,
B27/28, B31/32, B37/38,
B41/42, B43/44, B47/48, B51/52 , B53/54**
- TARIKH KUAT KUASA** : **1 NOVEMBER 2013**
- SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B17

- (c) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:RM936.00);
atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM936.00);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B27

- (d) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27:RM1,368.00);
atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00);
atau

- (iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00);
atau

- (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27:RM1,668.78);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B41

- (e) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4: RM1,926.00);
atau

- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4: RM1,926.00);
atau

- (iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4: RM2,133.30).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii) atau 1(d)(ii), 1(d)(iii), 1(d)(iv) atau 1(e) hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B21 ATAU B25

- 3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B21 atau B25 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B21:
RM1,960.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B25: RM2,503.00)

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B31 ATAU B37

- 4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B31 atau B37 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(d) dan 2 di atas; dan
 - (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
 - (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (Gaji permulaan lantikan pada Gred B31: RM2,734.00/
- Gaji permulaan lantikan pada Gred B37: RM3,430.00).

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

5. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Artis Budaya Gred B27/28, B31/32, B37/38 adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(e) di atas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PEGAWAI KEBUDAYAAN
GRED B43, B47, B51 ATAU B53**

6. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B43, B47, B51 atau B53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(e) dan 2 di atas;
 - (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
 - (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (Gaji permulaan lantikan pada Gred B43: RM3,412.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred B47: RM4,959.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred B51: RM5,579.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred B53: RM5,884.00).

SYARAT UJIAN KHAS	7. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	8. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	9. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	10. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA /PEPERIKSAAN	11. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	12. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	13. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	14. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
PEPERIKSAAN BAGI TUJUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	15. Pegawai Kebudayaan hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE MANA-MANA GRED	16. Pegawai Kebudayaan adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI	17. Pegawai Kebudayaan Gred B53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).